



## Rencana Utama

Oleh  
**MOHD. SHAZWAN YUSOP**



# Merdeka 118 rai kemerdekaan bersama komuniti

(1 SEPTEMBER 2022) KOSMO, P20, P21

**S**EMANGAT nasionalisme yang menebal dalam diri Haziq Ali telah mendorongnya berkunjung ke program Peszta di Kampung Attap, Kuala Lumpur yang merupakan anjuran pemilik Menara Merdeka 118 (Merdeka 118) pada hujung minggu lalu.

Kehadiran remaja berusia 19 tahun itu sambil ditemani dua rakan ke kawasan tersebut adalah untuk menyorot kembali sejarah kemerdekaan tanah air pada 31 Ogos 1957.

Dia sebenarnya turut berhasrat merasai aura Stadium Merdeka yang terletak berhampiran kampung itu memandangkan stadium tersebut pernah menjadi saksi laungan kemerdekaan oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Malangnya, Stadium Merdeka masih ditutup bagi kerja-kerja pengubahsuaian oleh penjaga monumen ikonik tersebut iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB) Merdeka Ventures Sdn. Bhd. yang turut merupakan pemilik Merdeka 118.

Bagaimanapun, pelajar diploma Universiti Teknologi Malaysia itu masih boleh melawat stadium tersebut menerusi pameran interaktif dan lawatan maya 360 darjah di tingkat satu, Bangunan Zhongshan di Kampung Attap dalam program tersebut.

“Menerusi penganjuran program Peszta, saya berpeluang melihat lebih dekat Stadium Merdeka. Meskipun secara maya kerana masih ditutup, namun ia masih boleh mengembalikn nostalgia 31 Ogos 1957.

“Di sini juga saya berpeluang menonton klip video detik-detik pengisytiharan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman. Video-video ini



**MENARA Merdeka 118 yang dijangka siap pada tahun depan atau 2024 terletak berhampiran beberapa komuniti setempat seperti Kampung Attap, Jalan Petaling dan lain-lain.**

memaparkan *angle* berbeza daripada yang pernah kita tonton dalam televisyen. Misalnya, ia paparkan detik ketibaan Tunku Abdul Rahman ke Stadium Merdeka serta wajah-wajah

orang ramai sewaktu menunggu detik bersejarah itu,” katanya kepada K2.

Peszta merupakan program anjuran Menara 118 bagi meraikan sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini bersama komuniti setempat terutamanya di Kampung Attap.

Usaha ini dilihat suatu yang begitu signifikan memandangkan Merdeka 118 sendiri merupakan binaan yang disandarkan kepada peristiwa laungan kemerdekaan. Menara yang masih dalam pembikinan itu mula dibina pada 3 Julai 2014.

Peszta dijayakan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta komuniti sekitar Kampung Attap.

Program sehari itu dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik bagi menonjolkan kepelbagaian seni dan budaya tempatan serta sejarah kepada masyarakat terutama generasi muda.

Haziq memaklumkan, dia berasa sangat bertuah dapat mengunjungi Peszta memandangkan program itu sarat pelbagai pengisian menarik.

“Program seperti ini sangat menarik dan interaktif. Di sinilah, anak muda seperti kami dapat mengenal budaya dan sejarah negara. Saya harap program ini dapat diteruskan pada masa depan,” ulasnya lagi.

Antara aktiviti menarik yang



**PENGUNJUNG berpeluang mengikuti pameran interaktif dalam program Peszta.**

dijalankan termasuk persembahan wayang kulit, ceramah sastera, persembahan kebudayaan dan *bagpipe*, pameran kesenian, Borneo MTV, gerai jualan serta trak makanan.

Program berkenaan dimeriahkan oleh persembahan artis dan kumpulan indie tempatan seperti Francisca Peter, The Impatient Sisters, SevenCollar T-Shirt dan Fugo.

Pengunjung turut berpeluang menyaksikan aksi kemuncak Bakat Idola Merdeka K2K iaitu pertandingan nyanyian yang mengetengahkan bakat-bakat muda daripada Program Perumahan Rakyat (PPR) Hang Tuah, Sri Sarawak dan Loke Yew.

Salah seorang penduduk sekitar, Sendy Saputra Nawir, 30, memaklumkan, program tersebut amat menarik kerana menjadi lokasi masyarakat pelbagai kaum berkumpul.

“Program seperti ini mampu menaikkan semangat patriotik komuniti setempat menerusi aktiviti berteraskan kebudayaan dan sejarah serta lagu-lagu yang dipersembahkan,” ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PNB Merdeka Ventures, Tengku Datuk Ab. Aziz Tengku Mahmud berkata, penganjuran Peszta adalah selaras dengan kehadiran mercu tanda baharu, Merdeka 118.

Jelasnya, ia merupakan sebahagian daripada langkah pihak Merdeka 118 untuk meraikan sambutan kemerdekaan bersama komuniti setempat dalam usaha menjalin hubungan erat.

“Kami sangat berbesar hati dapat menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke-65 bersama masyarakat pelbagai bangsa di presint Merdeka 118. Program ini pertama kali dianjurkan dan kami menasaknkan pengunjung seramai 4,000 orang.

“Visi utama kami adalah untuk mengembalikn semangat kemerdekaan kepada masyarakat. Lagi pula ia bertepatan dengan nama mercu tanda



**ORANG ramai terutama komuniti sekitar binaan Merdeka 118 menyaksikan pameran kemerdekaan di Bangunan Zhongshan, Kampung Attap menerusi program Peszta.**



KHAMIS 01.09.2022

Menyelami  
Hidup Anda

# 1K2

2008-2016



## Merdeka 118 dekati komuniti

PESZTA merupakan program anjuran Menara Merdeka 118 (Merdeka 118), binaan yang dimiliki Permodalan Nasional Berhad (PNB) Merdeka Ventures Sdn. Bhd. bagi meraikan bulan kemerdekaan ini bersama komuniti berhampiran di Kampung Attap, Kuala Lumpur.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**





AB. AZIZ (kanan) melihat gambar-gambar peristiwa kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. – MUHAMAD IQBAL ROSLI

yang sedang dibina oleh kami iaitu Merdeka 118,” katanya.

Semasa festival, pengunjung boleh menyelami pameran interaktif Stadium Merdeka yang memaparkan klip video sejarah, lawatan maya 360 darjah serta usaha pemulihannya.

Tambahnya, menerusi pameran interaktif berkenaan, pengunjung dapat melihat lebih dekat stadium tersebut yang dijangka dibuka kembali kepada umum tidak lama lagi.

“Sebagai penjaga Stadium Merdeka, kami bertanggungjawab mengadakan pameran interaktif ini kepada generasi muda. Hal ini memandangkan stadium berkenaan masih dalam peringkat baik pulih.

“Stadium berkenaan bakal dibuka tidak lama lagi dengan rupa bentuk asal seperti tahun 1957. Misalnya,

## INFO

### Merdeka 118

- Mempunyai 118 tingkat dengan ketinggian 678.9 meter
- Bakal menjadi bangunan kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa
- Dibangunkan dengan kos RM5 bilion
- Dijangka siap sepenuhnya pada tahun depan atau 2024
- Menempatkan ruang pejabat, bilik hotel, kediaman dan dek pemerhatian

kami sedang membina pintu masuk menyerupai rekaan asal serta membangunkan scoreboard lama bagi mengembalikan nostalgia,” jelasnya.

Selain itu, Peszta merupakan platform terbaik bagi para penerima Geran Komuniti Merdeka 118 mempamerkan hasil seni, aktiviti berinspirasi warisan dan produk buatan sendiri.

Ab. Aziz memaklumkan, geran tersebut merupakan sebahagian daripada usaha untuk memupuk idea inovatif bagi bidang sukan, seni, budaya, warisan dan perniagaan setempat.

“Salah satu projek dalam geran ini adalah Kampung Attap Collective (KAC) yang menyasar usaha memperkaya dunia seni dengan penganjuran pelbagai program kreatif.

“KAC ini merangkumi persembahan muzik di Bangunan Zhongshan, pameran sejarah dan warisan seni bina setempat di Pentago House. Satu lagi adalah rumah pangsa Sam Mansion yang menjadi pusat kesenian tempatan.

“Ketiga-tiga lokasi anjurkan aktiviti masing-masing. Misalnya, wayang kulit dilangsungkan di Sam Mansion dan Pameran Presint Merdeka 118 dalam Bangunan Zhongshan,” katanya.

Dalam pada itu, Ab. Aziz memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan untuk meneruskan program Peszta pada masa depan, meskipun selepas Merdeka 118 dibuka.

Jelasnya, langkah tersebut seiring rupa bentuk menara itu yang diilhamkan daripada sosok Tunku Abdul Rahman mengangkat tangan kanannya melaungkan kemerdekaan di Stadium Merdeka.

“Program ini untuk meraikan komuniti di sekitar Menara 118. Selepas ini, kami mungkin akan ubah lokasi penganjuran ke tempat lain sama ada Presint Jalan Petaling dan Jalan Hang Tuah, PuDU atau Kuadran Sukan 1.

“Berkemungkinan juga program Peszta akan dilangsungkan serentak dengan perasmian Merdeka 118 pada 31 Ogos sama ada tahun depan atau 2024,” katanya.



AHMAD ZULQARNAIN

## Bawa manfaat buat komuniti

ANAK syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. dengan kerjasama sebuah organisasi penajaan semula bandar, Think City Sdn. Bhd. telah memperkenalkan Program Geran Komuniti Merdeka 118.

Tujuan utama geran tersebut adalah untuk mewujudkan kejiranan yang bersepadu, berkembang maju dan kaya dengan nilai-nilai seni dan budaya dalam Presint Merdeka 118 di Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, geran itu diwujudkan untuk memupuk sinergi antara komuniti dan pembangunan Merdeka 118.

“Presint Merdeka 118 berada di lokasi ikonik yang kaya dengan budaya dan sejarah. Jadi, penting bagi kami untuk memastikan pembangunannya diharmonikan dengan komuniti.

“Pandangan penyewa, penduduk dan pelawat dipertimbangkan dengan teliti, bukan sahaja untuk menghargai kepentingan sejarah, tetapi menyokong aspirasi masa hadapan mereka,” katanya dalam satu kenyataan akhbar.

Sementara itu, Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed memaklumkan, Program Geran Komuniti Merdeka 118 merupakan satu bentuk rangsangan yang sangat diperlukan di Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur.

“Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur merupakan ibu kota bersejarah yang memiliki banyak potensi yang belum diterokai. Banyak kawasannya telah dikosongkan, manakala penduduknya pula berpindah keluar.

“Suntikan nafas baharu dengan usaha pemilik perniagaan kecil di kawasan ini berjaya menarik minat orang ramai. Ini menunjukkan bahawa kawasan ini masih mempunyai kekuatan dan tarikan tersendiri,” katanya.

Dia turut memberitahu, program geran yang disediakan mampu memastikan komuniti sekitar tidak ketinggalan terutama selepas kewujudan Merdeka 118 pada masa depan.



PENDUDUK di rumah pangsa Sam Mansion, Kampung Attap antara yang bertuah apabila PNB Merdeka Ventures mengadakan program Peszta di sekitar kampung itu baru-baru ini.